

Lelaki cederakan isteri dipenjara lima tahun, denda RM2,000 atau tiga bulan penjara

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan denda RM2,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah disabitkan kesalahan dengan sengaja mencederakan isterinya menggunakan sebilah pisau pemotong daging.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Syarifuddin Abdul Rasa setelah meneliti beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, faktakes, keseriusan kesalahan serta mengambil kira kepentingan

awam.

Tertuduh, Japar Salleh, 49, dari Kampung Narum, Marudi, didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksamaan yang dibacakan bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Seksyen 324 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebat atau dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Manakala Seksyen 326A, mana-mana individu yang menyebabkan kecederaan terhadap isteri atau bekas isteri serta ahli keluarga

lain, boleh dijatuhkan hukuman dua kali ganda tempoh penjara maksimum yang dikenakan ke atasnya (Seksyen 324), jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati dengan sengaja mencederakan isterinya, 45, pada bahagian dalam telinga kanan menggunakan senjata berbahaya iaitu sebilah pisau pemotong daging.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 9.26 malam, 23 September lalu di sebuah lot di Tudan Fasa 6 di sini.